Telaga Biru

*Kata Pengantar*

**DATUK SERI DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**EDISI PERDANA!**

**UNIK** **SISTEMATIK** **KOMPREHENSIF**

# القاموس الفريد

عربي - عربي - إنجليزي - ملايوي

# KAMUS AL-FARID

MENGANDUNGI LEBIH DARIPADA **30,000** ENTRI

## ARAB-ARAB-INGGERIS-MELAYU

**MERANGKUMI SUKATAN BAHASA ARAB KPM**

**DILENGKAPI PERBENDAHARAAN KATA AL-QURAN**




**DR. MOHD PUZHI USOP**
**DR. MOHD AZRUL AZLEN ABD HAMID**
**MARZIDAH HASHIM**
**NORASMAZURA MUHAMMAD**
**RAJA MUNIRAH RAJA SULAIMAN**


**Dikelaskan mengikut golongan kata bagi memudahkan carian**

**Kaedah penyampaian dalam bentuk menarik dan sistematik**

Sebuah Terbitan

Telaga Biru

**TELAGA BIRU SDN. BHD.**
(Co. No. 429118-A)

28, Jalan Tembaga SD 2/5A,
Sri Damansara Industrial Park,
52200 Kuala Lumpur.
Tel: 03-62754070/03-67268057
Faks: 03-62754110/03-62754727
Laman Web: www.telagabiru.com.my

**PENGERUSI KUMPULAN**
Haji Waharp Yusoff

**PENGARAH URUSAN**
Datuk Dr. Haji Zahazan Mohamed

**PENASIHAT JABATAN PENERBITAN**
Dato' Haji Muhammad Zakaria

**PENGURUS PENERBITAN**
Nadirah Waharp

**KONSULTAN SYARIAH**
Ustaz Fauwaz Fadzil Noor

**PENGARANG**
Dr. Mohd. Puzhi Usop
Dr. Mohd Azrul Azlen
Raja Munirah Raja Sulaiman
Marzidah Hashim
Norasmazura Muhammad

**EDITOR BAHASA**
Siti Nur Asiah Nadia
Nurul Jannah

**EDITOR SYARIAH**
Azeem Rashid
Amirul Arif Shukri
Mohammad Nassrul

**REKA LETAK**
Wan Roziah
Atiq Jalil
Ardian Felani

**REKA BENTUK KULIT**
Izzah Fadzil

**PEMASARAN**
Mohamad Ya'acob & Telaga Biru *Sales Team*

**PROMOSI**
Sani Jiran & *PR Team*

**KAMUS AL-FARID**

©Telaga Biru Sdn. Bhd.

Cetakan Pertama Ogos 2021
ISBN 978-967-388-688-3 TBBK 1511

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanikal, rakaman, cetakan, elektronik atau cara-cara lain tanpa mendapat izin bertulis daripada TELAGA BIRU SDN. BHD. terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd Puzhi Usop, Dr
القاموس الفريد : عربي - عربي - إنجليزي - ملايو
= KAMUS AL-FARID - ARAB - ARAB - INGGERIS - MELAYU / DR. MOHD PUZHI USOP, DR MOHD AZRUL AZLEN ABD HAMID, MARZIDAH HASHIM, NORASMAZURA MUHAMMAD, RAJA MUNIRAH RAJA SULAIMAN. – EDISI PERDANA.
ISBN 978-967-388-688-3
1. Arabic Language--Dictionaries--Polygot.
2. English language--Dictionaries--Polygot.
3. Malay language--Dictionaries--Polygot.
I. Mohd Azrul Azlen Abd Hamid, Dr. II. Marzidah Hashim. III. Norasmazura Muhammad. IV. Raja Munirah Raja Sulaiman.
V. Judul.
413.927

Manhaj kami berdiri atas akidah Ahli Sunah Waljamaah khususnya akidah Asy'ariyyah yang merupakan akidah utama umat Islam. Manakala dari sudut pengamalan mazhab, ulama bersepakat atas kesahihan bertaklid kepada mazhab empat, khususnya mazhab Imam Syafi'i, tanpa menolak bertaklid kepada mazhab lain ketika berhajat seperti yang dinaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami dan al-Bajuri.

**DICETAK OLEH**
TIHANI CETAK SDN. BHD. (360461-V)
No. 1 Jalan SB Jaya 15,
Taman Industri SB Jaya,
47000 Sungai Buloh, Selangor.

Sekiranya anda berminat mengirimkan manuskrip untuk diterbitkan, boleh layari *www.telagabiru.com.my/penulisan*.

# Kata Pengarang

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ وَبِذِكْرِهِ تَتَنَزَّلُ الرَّحَمَاتُ وَبِشُكْرِهِ تَزِيدُ الْخَيْرَاتُ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى فَخْرِ الْكَائِنَاتِ وَسَيِّدِ السَّادَاتِ إِمَامِ الْمُتَّقِينَ وَشَفِيعِ الْمُذْنِبِينَ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

Allah ﷻ telah berfirman,

﴿ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ۝٢ كِتَٰبٌ فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥ قُرۡءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوۡمٍ يَعۡلَمُونَ ۝٣ ﴾

Ertinya: *"Turunnya kitab ini daripada Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (2) Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu per satu; iaitu al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya. (3)"*

(*Surah Fussilat* 41: 2)

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad ﷺ, keluarganya, sahabat-sahabatnya serta seluruh umat Islam tidak kira walau di mana mereka berada.

Kami mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah ﷻ kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya usaha penyusunan dan penerbitan *Kamus al-Farid* Edisi Perdana ini dapat disempurnakan.

Setelah lebih 10 tahun berada di pasaran, *Kamus al-Farid* masih lagi menerima permintaan hangat sama ada dalam kalangan pelajar sekolah, universiti mahupun orang awam. Permintaan yang berterusan ini menjadi pemangkin kepada sidang pengarang *Kamus al-Farid* untuk mengemas kini serta menambah baik kekurangan yang terdapat pada terbitan sebelum ini.

Para penulis mengambil inisiatif untuk melakukan beberapa penambahbaikan, semakan dan penambahan entri baharu sesuai dengan perubahan silibus subjek bahasa Arab di pelbagai peringkat dan tempat.

Keistimewaan *Kamus al-Farid* Edisi Perdana ini terserlah dengan penambahan '*mufradat*' atau kosa kata al-Quran. Sidang penulis telah bertungkus lumus mengeluarkan *mufradat* al-Quran yang biasanya tidak dapat difahami secara terus ketika membaca al-Quran.

Ciri kedua yang menjadikan terbitan kali ini lebih istimewa ialah penambahan kata dasar atau '*masdar*' pada semua entri kata kerja selepas kami menilai keperluannya berdasarkan komen yang membina daripada para pelajar.

Kita sedia maklum bahawa bahasa Arab ialah bahasa rasmi bagi umat Islam di seluruh dunia. Bahkan ia juga merupakan antara 10 bahasa utama di dunia malah yang kedua selepas bahasa Inggeris. Ia digunakan sebagai medium komunikasi antara makhluk dengan Allah ﷻ serta antara makhluk dengan makhluk.

Kita sepatutnya memahami apa yang kita ucapkan sebagai doa dan zikir supaya ia menjadi lebih bermakna dan mustajab. Seluruh umat Islam tanpa mengira warna kulit, bahasa dan bangsa menggunakan bahasa Arab dalam ibadah mereka seperti solat, doa, zikir, haji dan umrah.

Turunnya al-Quran dalam bahasa Arab serta pemilihan nabi terakhir dalam kalangan bangsa Arab menjadi bukti bahawa ia merupakan bahasa yang terulung antara bahasa di seluruh dunia. Justeru itu, segala usaha untuk mempelajari, mendalami serta memartabatkan bahasa ini perlu diberi sokongan dan perhatian oleh pelbagai pihak.

Lahirnya *Kamus al-Farid* Edisi Perdana ini diharapkan dapat terus menjadi penyumbang kepada kemajuan dan kegemilangan bahasa Arab bukan sahaja di rantau ini malahan ke serata dunia. Dengan pendekatan yang unik serta penampilan yang menarik *Kamus al-Farid*, diharapkan ia mampu memberi nafas baharu dalam bidang perkamusan serta penyebaran bahasa Arab dalam kalangan penutur bukan Arab.

Kami mengalu-alukan sebarang komen dan kritikan membina daripada pembaca seandainya ada sebarang kekurangan dan kesilapan dalam *Kamus al-Farid* ini. Semoga Allah ﷻ memberi keberkatan kepada *Kamus al-Farid*, *team* penulis *Kamus al-Farid*, syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd. serta para pembaca yang mulia.

**SIDANG PENULIS**
*Kamus al-Farid*
*Ogos 2021*

# Biodata Pengarang

## DR. MOHD PUZHI USOP



Dr. Mohd Puzhi bin Usop ialah seorang pensyarah kanan di Jabatan Bahasa al-Quran, Pusat Bahasa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau merupakan generasi kedua (GEN2) FELDA Bukit Senggeh, Melaka. Mendapat pendidikan awal di Sek. Keb. (F) Bukit Senggeh dan seterusnya di peringkat sekolah menengah di Sek. Men Keb (A) Sultan Muhammad, Batu Berendam, Melaka. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda dan diploma pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Seterusnya, beliau telah menyambung pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah di Universiti Malaya. Aktif dalam bidang perkamusan, penterjemahan serta reka bentuk kurikulum bahasa Arab. Berpengalaman selama 24 tahun dalam bidang pengajaran bahasa Arab serta telah menghasilkan beberapa karya seperti *Bahasa Arab untuk Ibadah, Miftah al-Lughat al-'Arabiyyah, Bahasa Arab di Tanah Suci, Ensiklopedia Nama-nama Anak (Qurratu Ain,) Terjemahan al-Quran al-Ghufran* dan *al-Kamil, Kata-kata Hikmah Terindah, Cari Kata Bahasa Arab* dan lain-lain.

## DR. MOHD AZRUL AZLEN



Dr. Mohd Azrul Azlen bin Abd. Hamid atau nama penanya, Azrul Azlan merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang bahasa Arab dari University of Jordan (UJ). Kini beliau ialah Dekan dan pensyarah di Fakulti Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga merupakan kolumnis majalah Solusi sejak tahun 2009 dan aktif menulis buku dan artikel ilmiah. Beliau juga antara pengasas Tadabbur Centre yang terletak di Ostia Bangi, Selangor. Beliau boleh dihubungi melalui www.facebook.com/mohdazrulazlan atau www.facebook.com/tadabburcentre.

القاموس الفريد

عربي - عربي - إنجليزي - ملايوي

# KAMUS AL-FARID

ARAB-ARAB-INGGERIS-MELAYU

## KEISTIMEWAAN KAMUS INI

- **Kamus tribahasa** (bahasa Arab - bahasa Arab – bahasa Inggeris – bahasa Melayu) dengan uslub & pendekatan terkini.
- **Susunan entri mengikut abjad** daripada “alif” hingga “ya” untuk memudahkan carian perkataan dan umum.
- Sesuai untuk kegunaan dan **rujukan pelajar-pelajar sekolah** dan **institusi pengajian tinggi, tenaga-tenaga pengajar** bahasa Arab serta orang awam.
- Mengandungi lebih daripada **50 tajuk pilihan** untuk memudahkan carian perkataan.

## KEUTAMAAN ENTRI SISIPAN

- Mengandungi bacaan dalam solat, doa dan zikir harian.
- Koleksi nama binatang, serangga, burung, buah-buahan, bunga, sayur-sayuran dan pelbagai topik lain dengan gambar-gambar berwarna yang sangat menarik.
- Mengenal nama negeri, kementerian dan institusi lain yang terdapat di Malaysia.

9 789673 886883

ISBN 978-967-388-688-3
TBBK 1511
Semenanjung Malaysia: RM 59.00
Sabah & Sarawak: RM 64.00

Gobook
UR' WHATSAPP BOOK STATION
Whatsapp pertanyaan produk ke
+6011-1291 9853
SILA IMBAS KOD QR BERIKUT: